

SPEARHEADING GROWTH



PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG  
PENANG DEVELOPMENT CORPORATION

# 2019

Laporan Tahunan  
Annual Report

# KANDUNGAN

## CONTENTS

02	Visi & Misi <i>Vision &amp; Mission</i>
03	Ahli-Ahli Lembaga <i>Members of The Board</i>
06	Ahli-Ahli Pengurusan Atasan <i>Top Management Team</i>
07	Perutusan Ketua Menteri Pulau Pinang
10	<i>Message From The Right Honourable Chief Minister Of Penang</i>
13	Perutusan Pengurus Besar <i>General Manager's Message</i>

## LAPORAN-LAPORAN

15	Pengenalan
18	Pembangunan Dan Pengurusan Tanah
22	Pengurusan Harta
24	Pembangunan Usahawan
29	Pelaburan
34	Korporat
58	Penyata Kewangan

## REPORTS

38	<i>Introduction</i>
41	<i>Land Managemant And Development</i>
45	<i>Property Management</i>
47	<i>Entrepreneur Development</i>
51	<i>Investment</i>
55	<i>Corporate</i>
58	<i>Financial Statement</i>

The background of the entire page is a photograph of several hands in business suits huddled together in a circle, symbolizing teamwork and collaboration. Overlaid on this image are various digital and technological graphics, including glowing blue hexagonal patterns, concentric circles resembling radar or signal waves, and several padlock icons (some open, some closed) in a light blue/grey color. These elements suggest themes of cybersecurity, digital transformation, and secure collaboration.

# VISI**VISION**



Untuk menjadi organisasi utama negara dalam menjadikan Pulau Pinang negeri yang kondusif bagi kelestarian pembangunan sosio-ekonomi.

*To be the national premier organisation in making Penang a better place for all through sustainable socio-economic development.*

# MISI**MISSION**



Untuk memenuhi keperluan pemegang kepentingan PDC agar selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri.

*To meet our stakeholders' needs in line with State's aspirations.*



# 2019

AHLI-AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD




AHLI-AHLI LEMBAGA SETAKAT 31 DISEMBER 2019  
MEMBERS OF THE BOARD AS AT 31 DECEMBER 2019



**YAB Tuan Chow Kon Yeow**  
Pengerusi / *Chairman*



**YB Dato' Ir Hj Ahmad Zaki Yuddin bin Abd Rahman**  
Ahli / *Member*



**YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy**  
Ahli / *Member*



**YB Tuan Jagdeep Singh Deo  
a/l Karpal Singh**  
*Ahli / Member*



**YB Tuan Zairil Khir Johari**  
*Ahli / Member*



**YBhg. Dato' Seri Lee Kah Choon**  
*Ahli / Member*



**YB Dato' Haji Abdul Halim  
bin Haji Hussain**  
*Ahli / Member*



**YB Dato' Abdul Razak bin Jaafar**  
*Ahli / Member*



**YB Dato' Sarul Bahiyah  
binti Haji Abu**  
*Ahli / Member*



**YBhg. Dato' Khiruddin bin Said**  
*Ahli / Member*



**Encik Tajol Azhar bin Md Tahir**  
*Ahli / Member*



**Encik Mohd Sukri bin Mat Jusoh**  
*Ahli / Member*



# AHLI-AHLI PENGURUSAN ATASAN SETAKAT 31 DISEMBER 2019

## TOP MANAGEMENT TEAM AS AT 31 DECEMBER 2019





# 2019

PERUTUSAN  
KETUA MENTERI  
PULAU PINANG

MESSAGE FROM THE RIGHT HONOURABLE  
CHIEF MINISTER OF PENANG



## PERUTUSAN KETUA MENTERI PULAU PINANG



Pada tahun 2019, Pulau Pinang terus mengorak langkah untuk mengharungi pelbagai cabaran yang mendatang dengan perang perdagangan yang kian meruncing dan kelembapan ekonomi sejagat. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai peneraju pembangunan, bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui semua perancangan pelaksanaan strategi demi untuk merealisasikan bukan sahaja visi dan misinya sendiri malah juga untuk merealisasikan Visi Penang2030 yang ditunjangi empat (4) tema utama iaitu :-

- Tema 1 - **Meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan.**
- Tema 2 - **Menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.**
- Tema 3 - **Memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan masyarakat.**
- Tema 4 - **Melabur dalam persekitaran fizikal bagi meningkatkan daya tahan.**

Pulau Pinang kekal dinamik dalam pembangunan keseluruhan negeri ini dengan kerjasama rapat pihak awam dan pihak swasta. Pulau Pinang merekodkan pelaburan langsung asing (FDI) paling tinggi dalam negara bagi sektor pembuatan iaitu RM15 bilion pada 2019, sekaligus mengekalkan reputasi sebagai salah satu daripada destinasi pelaburan utama negara. Jumlah keseluruhan pelaburan (domestik dan FDI) yang diluluskan dalam sektor pembuatan adalah RM16.9 bilion.

Sepanjang tahun 2019, fokus pembangunan fizikal PDC masih memberi penekanan ke atas pembangunan yang komprehensif bagi koridor pembangunan selatan meliputi kawasan Utara dan Selatan Penang Science Park, Timur Batu Kawan, Bandar Cassia dan Byram. Pelan Strategik PDC 2019-2023 dirangka bagi memastikan strategi perancangan berjalan seiring dengan implimentasi projek yang disasarkan. Selaras dengan peruntukan keupayaan pembiayaan 5 tahun, setiap komponen perancangan diteliti bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negeri dengan:

- i. Peningkatan pelaburan asing (*Foreign Direct Investment* (FDI)) dengan kaedah penyediaan penjualan tanah-tanah kosong industri dan bukan industri;
- ii. Mewujudkan peluang pekerjaan baru dengan cara pembangunan sektor hartanah dalam perniagaan, perumahan, perkhidmatan dan perindustrian; dan
- iii. Penyediaan infrastruktur serta kemudahan awam mesra rakyat berserta kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi yang menyeluruh.

Semua inisiatif di atas telah berupaya memberi suntikan keseimbangan pertumbuhan pembangunan daerah di negeri Pulau Pinang di samping mengguna pakai potensi dan kelebihan sedia ada daerah bersempadan.

Fokus utama PDC adalah pada Bandar Cassia, Batu Kawan - bandar ketiga yang sedang dibangunkan untuk Negeri Pulau Pinang. Ke arah melengkapkan lagi perancangan pembangunan kawasan ini, pada tahun 2019 juga, PDC telah menyempurnakan pengambilan tanah melalui Kerajaan Negeri iaitu di Kawasan Timur Batu Kawan seluas 586.29 ekar bagi tujuan pembangunan taman perindustrian dan pembangunan bercampur. Pada masa yang sama pengambilan tanah tambahan di Selatan Batu Kawan seluas 186.42 ekar telah dikenalpasti bagi mewujudkan akses penyediaan infrastruktur utama seperti jambatan baru Sungai Tengah yang menghubungkan Bandar Cassia melalui Batu Kawan Industrial Park (BKIP) ke taman perindustrian baru ini adalah bagi melengkapkan jajaran sistem perhubungan Koridor Selatan sebagai sasaran pembangunan PDC dalam tempoh 5 tahun yang akan datang.

PDC telah berjaya menjual dan memajak sebanyak 59 ekar tanah perindustrian kepada 16 buah syarikat iaitu 10 buah syarikat di Taman Perindustrian Batu Kawan (52.8 ekar), 5 buah syarikat di Utara Penang Science Park (5.6 ekar) dan sebuah syarikat di Taman Perindustrian Bukit Minyak (0.7 ekar) dalam tahun yang dikaji. Dengan kejayaan ini, dijangka pelaburan masuk berjumlah RM1.07 bilion berjaya dijana di samping dianggarkan dapat membuka sebanyak lebih kurang 4,454 peluang pekerjaan di pelbagai peringkat.

Selain aktiviti sokongan yang lebih tertumpu di BKIP, PDC juga giat mempromosikan pembangunan industri di Utara Penang Science Park (NPSP) bagi industri makanan, industri am termasuk jenis perusahaan industri yang dipromosi seperti Elektrikal & Elektronik (E&E), Perkhidmatan Pembuatan Elektronik (EMS), Peralatan Perubatan, Aeroangkasa, Semikonduktor, Automotif dan aktiviti industri lain yang berkaitan. Pada tahun 2019, sebanyak 4.7 ekar tanah telah dijual kepada 4 buah syarikat dalam kategori industri am seperti aktiviti pembuatan paip, pembuatan antibiotik haiwan, kitar semula minyak enjin dan pelincir serta pita dan label lekat sendiri (*self-adhesive labels and tapes*) manakala sebanyak 0.9 ekar telah dijual kepada sebuah syarikat MNC yang terlibat dalam industri kejuruteraan.

Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat oleh syarikat-syarikat GBS bagi ruang pejabat yang lengkap dengan kemudahan dan bertaraf MSC, PDC juga sedang membangunkan satu lagi projek GBS, iaitu GBS @ Mahsuri. Pembangunan ini bertempat di Bayan Baru, bersebelahan dengan bangunan pejabat PDC dan melibatkan pembinaan 1 blok bangunan pejabat dengan keluasan bersih 80,000 kaki persegi dengan anggaran kos sebanyak RM20 juta.

Setelah siapnya projek Perumahan Mampu Milik (PMM) yang pertama iaitu Suria 1, di Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan di mana penyerahan kunci kepada pembeli-pembeli telah disempurnakan pada Mei 2018, sebuah lagi projek telah berjaya disiapkan iaitu "The Rise" - Parcel B, di SP Chelliah, George Town di mana penyerahan kunci telah dibuat pada bulan Ogos 2019. Projek ini merupakan sebuah projek usahasama di antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan pemaju swasta iaitu Zubicon Sdn. Bhd. di mana PDC berperanan sebagai Pengurus Projek. Projek ini terdiri dari 1,048 unit Rumah Mampu Milik yang berkeluasan 800 dan 900 kaki persegi.

Lain-lain projek PMM yang masih dalam pembinaan ialah, "The Rise" - (Parcel A & C) di Jalan S P Chelliah; Cecil Residensi di Jalan Pintasan Cecil dan Sandilland Foreshore di Lintang Macallum 2, Georgetown, Daerah Timur Laut; Dua Residensi di Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya; Jiran Residensi di Kampung Jawa, Seberang Perai Utara dan projek Rumah Kos Rendah di Kepala Gajah serta Tok Subuh di Seberang Perai Utara.

Adalah menjadi harapan saya bahawa dengan terlaksana dan siapnya projek-projek PMM yang telah dirancang dengan teliti ini, maka warga Pulau Pinang secara amnya akan dapat memiliki kediaman sendiri dan menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Pada tahun 2019, PDC meneruskan usaha untuk menyediakan tapak pembangunan dan kemudahan infrastruktur bagi menyokong perkembangan pesat sektor industri, perumahan dan komersial di Bandar Cassia dan Penang Science Park (PSP), Seberang Perai Selatan. Semua infrastruktur yang dirancang adalah

bertujuan untuk membina jaringan hubungan yang efektif dan efisien bagi kemudahan rakyat.

PDC tidak melupakan kawasan-kawasan pembangunan sedia adanya ketika tumpuan diberikan pada Bandar Cassia, Batu Kawan. Kerja-kerja penaiktarafan KOMTAR serta kerja-kerja penyelenggaraan rutin masih dilaksanakan. PDC sentiasa berusaha untuk menghidupkan kembali aktiviti-aktiviti di bangunan ikonik ini. Projek terbaru yang dilaksanakan adalah penubuhan "Urban Transformation Centre" (UTC), KOMTAR, Pulau Pinang. Ia merupakan projek usahasama antara Kerajaan Negeri (melalui PDC) dan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kewangan (MOF) untuk mewujudkan pusat sehati yang terdiri daripada pelbagai jabatan kerajaan untuk memberi pelbagai perkhidmatan kepada orang ramai. Ianya kini sedang dalam pembinaan dan dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun 2020.

PDC juga telah meneruskan peranannya dalam membantu para usahawan dengan menguruskan Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang telah menyaksikan 321 orang peminjam telah menerima manfaat dari pinjaman ini dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diagihkan bernilai RM2.46 juta dalam tahun yang dikaji. Selain itu, PDC telah melaksanakan pelbagai program untuk golongan usahawan-usahawan yang bertujuan untuk membantu dan membimbing mereka ke arah memperkembangkan perniagaan masing-masing.

Pihak Pengurusan PDC juga telah banyak menumpukan perhatian kepada latihan dan latihan semula untuk kakitangannya dengan objektif untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan asetnya yang paling penting iaitu sumber manusia, yang juga berperanan besar dalam usaha ke arah merealisasikan Visi dan Misi serta Pelan Strategik yang telah ditetapkan.

Saya pasti semua yang telah dirancang dengan teliti sekali akan dilaksanakan dengan penuh komited demi warga Pulau Pinang. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua atas sokongan padu dan keyakinan tinggi terhadap PDC sepanjang tahun ini.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada Ahli-Ahli Lembaga PDC, Ahli-Ahli KPI Task Force, Ahli-Ahli Jawatankuasa Kajian Audit, pihak Pengurusan PDC serta kakitangan atas komitmen dan usaha gigih mereka dalam merancang dan melaksanakan projek untuk warga Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

**CHOW KON YEOW**

KETUA MENTERI PULAU PINANG

MERANGKAP PENERUSI

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

## MESSAGE FROM THE RIGHT HONOURABLE CHIEF MINISTER OF PENANG

Penang continued to stride ahead in 2019, facing every challenge head on, with the escalating trade war and the weak global economy. PDC, as the premier development agency for the State of Penang, works hand in hand with the State Government in implementing all of its strategies outlined to not only realise its vision and mission but also to realise the vision of Penang2030, which is broadly based on the following four (4) themes :-

**Theme 1 - Increase liveability to enhance quality of life.**

**Theme 2 - Upgrade the economy to raise household incomes.**

**Theme 3 - Empower people to strengthen civic participation.**

**Theme 4 - Invest in the built environment to improve resilience.**

Penang will remain dynamic in its overall development through the close cooperation between the public and private sectors. Penang recorded the highest Foreign Direct Investment (FDI) for the manufacturing sector at RM15 billion in 2019 which effectively maintained our reputation as the main destination of choice for investors. The total approved investments (domestic and FDI) for the manufacturing sector amounted to RM16.9 billion.

Throughout 2019, PDC's focus on physical development continues to emphasise the comprehensive development of the southern development corridor covering the North and South Penang Science Park, East Batu Kawan, Bandar Cassia and Byram.

The PDC Strategic Plan 2019-2023 is created to ensure that the Corporation's planned strategies work in line with the implementation of the targeted projects. In accordance with the allocation of the 5-year financing capabilities, each planning component is examined and analysed to further support the State's economic growth by :

- i. Foreign Direct Investment (FDI) expansion through the provision and sale of industrial and non-industrial land;
- ii. Creating new employment opportunities through the development of the real estate sector in business, housing, services and industry; and
- iii. Provision of public-friendly infrastructure and facilities along with comprehensive high-speed broadband facilities.

All of the above initiatives have been able to spur growth in the regional development in Penang which utilises the potential and advantages of existing border areas.

In 2019, PDC completed the acquisition of 586.29 acres in Batu Kawan for the purpose of developing industrial parks as well as mixed development of land through the

State Government. At the same time, the acquisition of additional land in the South Batu Kawan measuring approximately 186.42 acres was identified to provide access for the provision of major infrastructure such as the construction of the new bridge of Sungai Tengah which links Bandar Cassia through Batu Kawan Industrial Park (BKIP) into the new industrial park. This access and infrastructure are vital to strengthen and complement the connectivity system to the South Corridor and has been earmarked as PDC's target development over the next 5 years.

PDC managed to sell and lease 59 acres of industrial land to 16 companies in Batu Kawan Industrial Park (52.8 acres), 5 companies in Penang Science Park North (5.6 acres), and 1 company in Bukit Minyak Industrial Park (0.7 acres). With this achievement, it is projected to attract an investment value of RM1.07 billion while generating employment opportunities for 4,454 workers.

Apart from the supporting activities at BKIP, PDC is also actively promoting industrial development at the Penang Science Park North (PSPN) for the food and general industries which also include other promoted industries such as Electrical & Electronics (E&E), Electronics Manufacturing Services (EMS), Medical Devices, Aerospace, Semiconductor, Automotive and other related activities. In 2019, a total of 4.7 acres of industrial land has been sold under various industries such as industrial plumbing, manufacturing of animal antibiotic, recycling of engine oil and lubricant and self-adhesive labels and tapes to 4 companies while another 0.9 acres have been sold to an MNC company involved in the engineering industry.

In line with the trending demand for GBS office space in Penang, PDC is also embarking on another GBS project located in Bayan Baru. GBS @ Mahsuri will be an MSC Malaysia status office building complete with shared facilities for companies that demand to be in an amenities - complete business centre. PDC is developing its own land of 6.67 acres, with 3.5 acres to build a new 2 storey office block with a nett area of 80,000 square feet at an estimate cost of RM20 million.

Subsequent to the completion of the first AHS project, Suria 1, in Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan with the handover of keys to purchasers concluded in May 2018, another project, "The Rise" - Parcel B, at SP Chelliah, Georgetown was completed with handover of keys to purchasers successfully concluded in August 2019. This project is a joint effort between the Penang City Council and the private developer Zubicon Sdn. Bhd. with PDC as project manager. The project consists of 1,048 units of affordable houses with a built-up area of 800 and 900 sq. ft.

Other AHS projects that are still under construction are, "The Rise"- (Parcel A & C) at Jalan S P Chelliah; Cecil Residency at Jalan Pintasan Cecil and Sandiland Foreshore at Lintang Macallum 2, Georgetown, Daerah



*Timur Laut; Dua Residensi in Teluk Kumbar, South West District; Jiran Residensi in Kampung Jawa, Seberang Perai Utara and low-cost housing projects in Kepala Gajah and Tok Subuh in Seberang Perai Utara.*

*It is my hope that the completion of all the carefully planned Affordable Housing projects will ensure all stratum of the people of Penang will be homeowners and live a quality life.*

*In 2019, PDC will continue to prepare development sites and infrastructure facilities to support the rapid growth of the industrial, housing and commercial sectors in Bandar Cassia and Penang Science Park (PSP), Seberang Perai Selatan. All the infrastructure planned is with the objective of establishing an efficient and effective network for the ease of the people of Penang.*

*PDC does not neglect its existingly developed areas in its focus to develop Bandar Cassia, Batu Kawan. Upgrading and routine maintenance works are still carried out for KOMTAR. PDC is always striving to look for ways to bring life back to this iconic building. The latest project being implemented currently is the establishment of the "Urban Transformation Center" (UTC), KOMTAR, Penang. It is a project jointly undertaken by the State Government (through PDC) and the Federal Government through the Ministry of Finance (MOF) to establish a one-stop centre comprising various government departments which provide various services to the public. It is currently under construction and expected to be fully operating by mid-2020.*

*PDC continued playing its role in assisting entrepreneurs by managing the Skim Pinjaman Harapan (SPH) which benefited 321 borrowers with a total loan sum of RM2.46 million distributed during the year under review. Aside from that, PDC planned and implemented an array of programmes / events to assist and guide the entrepreneurs towards business expansion.*

*The PDC management also placed focus on training and retraining its staff with the objective of increasing their skills and knowledge. Its staff are its most prized asset - they play a big role in its efforts to realise its Vision and Mission including its determined Strategic Plan.*

*I am certain that all which have been planned will be executed and implemented with great commitment for the people of Penang. Finally, I would like to record by appreciation for all the support and confidence accorded to PDC during the year under review.*

*I would also like to extend my gratitude and appreciation to PDC Board Members, KPI Task Force Members, Audit Committee Members, PDC Management as well as the staff for their commitment and diligence in planning and implementing projects for the people of Penang.*

*Thank you.*

**CHOW KON YEOW**  
CHIEF MINISTER OF PENANG  
AND CHAIRMAN OF  
PENANG DEVELOPMENT CORPORATION





# 2019

PERUTUSAN  
PENGURUS BESAR

GENERAL MANAGER'S MESSAGE

## PERUTUSAN PENGURUS BESAR GENERAL MANAGER'S MESSAGE



Pada tahun ini PDC menyambut ulangtahunnya yang ke-50 iaitu Jubli Emas. Saya amat berbangga dengan segala yang telah dicapai oleh PDC sejak ianya ditubuhkan pada 17 November 1969. Pencapaian dan sumbangan PDC tidak terhingga kepada Negeri Pulau Pinang dan amat bermakna buat warga negeri ini.

Dari perancangan dan pengwujudan Taman Perindustrian pertama negeri ini berserta pembangunan bandar yang pertama di sini sehingga Taman Perindustrian yang ke-9 dan bandar ketiga kini, PDC sentiasa komited kepada Pulau Pinang dan rakyatnya. Pihak Pengurusan sentiasa menilai semula segala strategi dan perancangan demi untuk memastikan visi dan misi PDC tercapai.

Tahun 2019 telah sekali lagi menyaksikan prestasi cemerlang PDC dan saya mengucapkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi lain yang telah menyokong semua usaha PDC selama ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Lembaga Pengarah serta jawatankuasa-jawatankuasa kecil Lembaga yang telah menyokong saya dan pihak Pengurusan dalam semua yang dirancang dan dilaksanakan untuk merealisasikan Visi dan Misi berserta Pelan Strategik PDC demi pembangunan Negeri Pulau Pinang.

*PDC celebrates its 50th Anniversary this year - its Golden Jubilee. I am immensely proud with all that PDC has achieved since its inception on 17 November 1969. PDC has greatly contributed to the development of the State over the years and the people of Penang has reaped the benefits.*

*From the planning and establishment of the State's first Industrial Park and the development of its first township, to its 9th Industrial Park and 3rd township, PDC is steadfastly committed to Penang and its people. The PDC management continuously reviews and reassess all its plans and strategies to ensure the realisation of PDC's Vision and Mission.*

*The year under review once again witnessed PDC's sterling achievements and I would like to put on record my appreciation to the State Government, the Local Councils and other agencies which have been very supportive of PDC's efforts all this while.*

*Finally, I would like to thank the PDC Board and its sub-committees which have strongly supported the PDC Management and I in planning and implementing strategies and actions designed to realise PDC's Vision, Mission and Strategic Plan for the development of Penang.*

**DATO' MOHD BAZID BIN ABD KAHAR**  
Pengurus Besar

**DATO' MOHD BAZID BIN ABD KAHAR**  
General Manager

The background of the image is a photograph of a modern office workspace. It features a white desk with a large computer monitor, a pen holder with several pens, and a small potted plant with green leaves and yellow flowers. The image is overlaid with a large, diagonal geometric pattern consisting of various shades of yellow, green, and teal, creating a layered, abstract effect.

# 2019

LAPORAN-LAPORAN



# 2019

PENGENALAN



## PENGENALAN

Tahun 2019 merupakan tahun jubli emas buat PDC di mana ianya simbolik kepada kemegahan seiring dengan usia penubuhannya yang telah menjangkau 50 tahun. Pada tahun ini, pelbagai program yang telah dirancang bagi meraikan sambutan ulangtahun kegemilangan PDC yang ke-50 selain sebagai tanda penghargaan pihak Pengurusan kepada semua warga kerja PDC di atas komitmen dan keringat bakti yang telah dicurahkan bagi bersama-sama merealisasikan matlamat PDC dari dulu sehingga kini.

Hasil kerjasama dan sokongan pihak Pengurusan pelbagai program menarik telah direncanakan dan telah dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 2019 bersempena sambutan ulangtahun PDC yang ke-50. Rata-rata hampir kesemua program yang telah dijayakan ini adalah membabitkan usaha gigih dan pengelolaan sepenuhnya oleh kakitangan PDC sendiri. Antara program-program yang telah mengukir kejayaan hebat buat PDC serta menaikkan imej korporat PDC di mata pihak luar adalah seperti berikut:-

### 1) Sukan Tradisional Mini Gemaputera 2019

- Penyertaan sebanyak 10 buah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dari seluruh Malaysia dengan melibatkan seramai hampir 300 orang peserta.



*Sukan Tradisional Mini Gemaputera*

### 2) Karnival Sukan PDC (Bola Jaring)

- Melibatkan penyertaan hampir 384 peserta iaitu 26 pasukan dari seluruh Malaysia.

### 3) Karnival Sukan PDC (Futsal)

- Melibatkan penyertaan seramai hampir 400 peserta iaitu 36 pasukan dari pelbagai negeri dari seluruh Malaysia.

### 4) Karnival Sukan PDC (Bola Sepak)

- Melibatkan penyertaan seramai hampir 350 peserta iaitu 28 pasukan dari seluruh Malaysia.

### 5) Kejohanan Sukan Karom Terbuka Beregu

- Melibatkan penyertaan seramai hampir 400 orang peserta iaitu 99 beregu dari seluruh Malaysia.

### 6) Grow with Your Garden

- Penglibatan melebihi 200 buah sekolah di sekitar Pulau Pinang. Pelaksanaan program ini berjaya menarik minat dan memupuk kesedaran di kalangan pelajar-pelajar sekolah bagi memelihara dan menjaga persekitaran agar sentiasa tampil segar dan hijau di mana selari dengan visi Penang 2030.

### 7) Majlis Makan Malam PDC



*Majlis Makan Malam PDC*

### 8) Majlis Reunion PDC

- Seramai lebih 70 orang bekas kakitangan PDC sejak 50 tahun lepas telah menghadiri majlis ini.

### 9) PDC Fun Walk 2019

- Program yang mendapat sambutan hebat dari 2,500 peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, bangsa dan peringkat umur.



*PDC Fun Walk 2019*

Pelaksanaan program-program ini bukan sahaja telah meningkatkan semangat kerjasama dan kreativiti kakitangan PDC malah telah memberikan impak yang positif kepada PDC seperti berikut:-

- a) Menjadi platform dalam melonjakkan nama dan imej PDC di mata pihak luar;
- b) Mewujudkan jalinan kerjasama dua hala di antara PDC dan agensi / badan korporat / warga awam yang lain; dan
- c) Meningkatkan reputasi dan kredibiliti PDC sebagai organisasi yang mampu menganjurkan program-program hebat serta bermanfaat kepada kakitangan dan masyarakat.

PDC juga telah merangka Pelan Strategik 5 tahun semasa tahun yang dikaji yang bertujuan untuk memastikan kelangsungannya sehingga masa hadapan bagi memastikan ianya dapat memainkan peranan yang efektif bagi warga Pulau Pinang.

PDC telah terus merancang dan melaksana projek sepanjang tahun 2019 untuk bagi memenuhi keperluan stakeholders dan untuk kelangsungan pembangunan negeri Pulau Pinang.



*Dato' Mohd Bazid Bersama-Sama Mantan Pengurusan Tertinggi PDC Semasa Reunion Dinner*



*Majlis Pelancaran Program-Program Sempena Ulangtahun PDC Yang Ke-50*





# 2019

PEMBANGUNAN DAN  
PENGURUSAN TANAH

## PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TANAH

Sepanjang tahun 2019, fokus pembangunan fizikal Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) masih memberi penekanan ke atas pembangunan yang komprehensif bagi koridor pembangunan selatan meliputi kawasan Utara dan Selatan Penang Science Park, Timur Batu Kawan, Bandar Cassia dan Byram. Pelan Strategik PDC 2019-2023 dirancang bagi memastikan strategi perancangan berjalan seiring dengan implimentasi projek yang disasarkan. Selaras dengan peruntukan keupayaan pembiayaan 5 tahun setiap komponen perancangan diteliti bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negeri dengan :

- i. Peningkatan pelaburan asing (*Foreign Direct Investment (FDI)*) dengan kaedah penyediaan penjualan tanah-tanah kosong industri dan bukan industri;
- ii. Mewujudkan peluang pekerjaan baru dengan cara pembangunan sektor hartanah dalam perniagaan, perumahan, perkhidmatan dan perindustrian; dan
- iii. Penyediaan infrastruktur serta kemudahan awam mesra rakyat berserta kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi yang menyeluruh.

Semua inisiatif di atas telah berupaya memberi suntikan keseimbangan pertumbuhan pembangunan daerah di negeri Pulau Pinang di samping mengguna pakai potensi dan kelebihan sediaada daerah bersempadan.

Di samping itu juga, PDC telah mengiklankan beberapa projek secara *Request for Proposal (RFP)* di Bandar Cassia dan Utara Penang Science Park. Kriteria perancangan RFP ini telah mengambilkira kesesuaian lokasi, corak pembangunan gunatanah sedia ada serta keperluan komponen yang diiklan ini. Projek RFP yang disebutkan di atas merangkumi RFP Pembangunan bercampur (114 ekar) di Bandar Cassia serta RFP Asrama Pekerja di Penang Science Park North (4.97 ekar).

Pada tahun 2019 juga, PDC telah menyempurnakan pengambilan tanah melalui Kerajaan Negeri iaitu di Kawasan Timur Batu Kawan seluas 586.29 ekar bagi tujuan pembangunan taman perindustrian dan pembangunan bercampur. Pada masa yang sama pengambilan tanah tambahan di Selatan Batu Kawan seluas 186.42 ekar telah dikenalpasti bagi mewujudkan akses penyediaan infrastruktur utama seperti jambatan baru Sungai Tengah yang menghubungkan Bandar Cassia melalui Batu Kawan Industrial Park (BKIP) ke taman perindustrian baru ini adalah bagi melengkapkan jajaran sistem perhubungan Koridor Selatan sebagai sasaran pembangunan PDC dalam tempoh 5 tahun yang akan datang.

Bagi meneruskan momentum pembangunan di Bandar Cassia, PDC turut merancang untuk membangunkan projek pemangkin yang dapat memberikan impak dan suntikan baru kepada perkembangan ekonomi negeri yang terdiri daripada Projek Pembangunan Hab Perubatan

dan Kesihatan, Projek Pembangunan Eko Pelancongan dan beberapa projek yang masih di peringkat kajian bagi tahun 2020. Projek yang dikenalpasti ini diyakini akan memberi suntikan pembangunan baru ke arah melengkapi Bandar Cassia sebagai sebuah bandar yang berdaya maju dan seterusnya membawa Koridor Selatan ke tahap yang setara dengan daerah lain di negeri Pulau Pinang.

### Pembangunan Industri

Walaupun perang perdagangan di antara kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat dan China sedang hangat berlangsung di sepanjang tahun 2019 dan sekaligus menggugat pasaran ekonomi dunia, PDC masih berjaya menjual dan memajak sebanyak 59 ekar tanah perindustrian kepada 16 buah syarikat iaitu 10 buah syarikat di Taman Perindustrian Batu Kawan (52.8 ekar), 5 buah syarikat di Utara Penang Science Park (5.6 ekar) dan sebuah syarikat di Taman Perindustrian Bukit Minyak (0.7 ekar). Dengan kejayaan ini, dijangka pelaburan masuk berjumlah RM1.07 bilion berjaya dijana di samping dianggarkan dapat membuka sebanyak lebih kurang 4,454 peluang pekerjaan di pelbagai peringkat.

Hasil daripada pelaburan syarikat di tanah perindustrian PDC, terdapat 2 buah syarikat antarabangsa (MNC) yang telah memilih Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) bagi mengembangkan perniagaan mereka iaitu :-

- Smith & Nephew Operations Sdn Bhd daripada United Kingdom dengan aktiviti pembuatan produk dan peralatan perubatan termasuk perkakasan dan implant ortopedik dijangka melabur sebanyak RM588 juta dan menjana sejumlah 285 peluang pekerjaan bagi mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 17.5 ekar di BKIP.



Pengumuman Pelaburan Smith & Nephew Operations Sdn. Bhd.



- Visco Technology Sdn Bhd daripada Taiwan dengan aktiviti pembuatan lensa lekak dijangka melabur sebanyak RM270 juta di atas tanah seluas 14 ekar di BKIP dan dianggarkan membuka sejumlah 1,045 peluang pekerjaan.

Selain aktiviti sokongan yang lebih tertumpu di BKIP, PDC juga giat mempromosikan pembangunan industri di Utara Penang Science Park (NPSP) bagi industri makanan, industri am termasuk jenis perusahaan industri yang dipromosi seperti Elektrikal & Elektronik (E&E), Perkhidmatan Pembuatan Elektronik (EMS), Peralatan Perubatan, Aeroangkasa, Semikonduktor, Automotif dan aktiviti industri lain yang berkaitan. Pada tahun 2019, sebanyak 4.7 ekar tanah telah dijual kepada 4 buah syarikat dalam kategori industri am seperti aktiviti pembuatan paip, pembuatan antibiotik haiwan, kitar semula minyak enjin dan pelincir serta pita dan label lekat sendiri (*self-adhesive labels and tapes*) manakala sebanyak 0.9 ekar telah dijual kepada sebuah syarikat MNC yang terlibat dalam industri kejuruteraan.

Selain itu, PDC juga peka kepada pembangunan pembinaan infrastruktur di NPSP bagi menampung keperluan industri yang kian mendapat permintaan daripada para pelabur dengan menambahbaik akses jaringan yang baik di kawasan tersebut yang berdekatan Taman Perindustrian Bukit Minyak dan Auto City Juru. Pada Januari 2019, YAB Ketua Menteri Pulau Pinang telah merasmikan Jalan PSPN2 yang menghubungkan Penang Science Park dan Juru bagi mengurangkan masalah kesesakan di persimpangan Tambun di samping menggalakkan pembangunan Penang Science Park, terutamanya di Utara Penang Science Park.

### **Perkhidmatan Perniagaan Global [Global Business Services (GBS)]**

Berdasarkan *State of the Global Shared Services Market Report 2019* yang disediakan oleh The Shared Services & Outsourcing Network (SSON), 37% daripada pusat Shared Services di Malaysia menyediakan perkhidmatan untuk pelanggan global, khususnya perkhidmatan Pengurusan Sumber Manusia (48%) dan Perakaunan/Kewangan (52%). Menurut laporan tersebut, 68% daripada syarikat-syarikat GBS yang ditinjau juga menuju ke arah penyediaan perkhidmatan nilai tambah seperti automasi pintar (*intelligent automation*) dan analisis data (*data analytics*).

Salah satu bangunan GBS yang dibangunkan oleh PDC ialah GBS @ Mayang, yang terletak di tengah-tengah kawasan perniagaan Bayan Baru yang menjadikannya lebih ideal sebagai hab perkhidmatan perniagaan. Syarikat-syarikat seperti Jabil Sdn Bhd, Swarovski Global Business Services Asia Sdn Bhd, dan lain-lain memenuhi lebih 90% daripada jumlah ruang sewa dalam bangunan ini yang bertaraf MSC Malaysia Cybercentre dengan bilangan pekerja melebihi lebih 1,200 orang.

Untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat oleh syarikat-syarikat GBS bagi ruang pejabat yang lengkap dengan kemudahan dan bertaraf MSC, PDC juga sedang membangunkan satu lagi projek GBS, iaitu GBS @ Mahsuri. Pembangunan ini bertempat di Bayan Baru, bersebelahan dengan bangunan pejabat PDC dan melibatkan pembinaan 1 blok bangunan pejabat dengan keluasan bersih 80,000 kaki persegi dengan anggaran kos sebanyak RM20 juta. Pembangunan ini dijangka siap dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dalam bulan Mei 2020. Setakat Disember 2019, PDC telah menerima permohonan daripada syarikat-syarikat untuk menyewa lebih 70% daripada jumlah ruang sewa di GBS @ Mahsuri.

### **Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)**

Kerajaan Negeri bersama PDC sentiasa peka, memantau dan merancang kemudahan dan khidmat sokongan yang berterusan kepada IKS kerana sektor ini merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan menjana pendapatan kepada para pengusaha tempatan. Oleh yang demikian, PDC secara berterusan telah membina dan terus merancang projek-projek IKS bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

SME Village di Taman Perindustrian Batu Kawan Fasa 3 atau dikenali sebagai Plaza WCOE telah disewa dan diuruskan oleh syarikat Walta Engineering Sdn. Bhd. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti kedai runcit, kedai F&B, pusat latihan (Kerjasama dengan UNIMAP), bilik mesyuarat dan klinik (masa depan) untuk komuniti-komuniti di Taman Perindustrian Batu Kawan.

Setakat bulan Disember 2019, status pembinaan bagi Fasa 4 mencatat 95% dan dijangka *Certificate of Completion and Compliance* akan diperoleh pada bulan Januari 2020. Lima unit telah dijual dari jumlah 20 unit.

### **Pembangunan Perumahan**

PDC bersama Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam merancang dan melaksanakan projek-projek Perumahan Mampu Milik (PMM) sebagaimana tahun-tahun sebelumnya untuk menunaikan tanggungjawab sosial perumahannya kepada golongan sasaran dengan harapan dapat menghasilkan pembangunan sektor perumahan yang lebih berdaya huni dan teratur bagi dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat. Di samping projek-projek yang telah dirancang sebelum ini, PDC terus mencari ruang dan peluang untuk menambah projek-projek Perumahan Mampu Milik yang baru berdasarkan permintaan dan lokasi yang sesuai agar pelaksanaannya adalah bertepatan dengan kehendak semasa.

Setelah siapnya projek PMM yang pertama iaitu Suria 1, di Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan di mana penyerahan kunci kepada pembeli-pembeli telah disempurnakan pada Mei 2018, sebuah lagi projek telah berjaya disiapkan iaitu "The Rise" - Parcel B, di SP Chelliah, Georgetown di mana penyerahan kunci telah dibuat pada bulan Ogos 2019. Projek ini merupakan sebuah projek usahasama di antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan pemaju swasta iaitu Zubicon Sdn Bhd di mana PDC berperanan sebagai Pengurus Projek. Projek ini terdiri dari 1,048 unit Rumah Mampu Milik yang berkeluasan 800 dan 900 kaki persegi.

Lain-lain projek PMM yang masih dalam pembinaan ialah, "The Rise" - (Parcel A & C) di Jalan S P Chelliah; Cecil Residensi di Jalan Pintasan Cecil dan Sandiland Foreshore di Lintang Macallum 2, Georgetown, Daerah Timur Laut; Dua Residensi di Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya; Jiran Residensi di Kampung Jawa, Seberang Perai Utara dan projek Rumah Kos Rendah di Kepala Gajah serta Tok Subuh di Seberang Perai Utara. Tiga dari projek di atas kini hampir siap iaitu "The Rise" - (Parcel A & C), Dua Residensi dan Jiran Residensi di mana penyerahan kunci dijangka akan diadakan pada Suku Pertama 2020.

### Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Pada tahun 2019, PDC meneruskan usaha untuk menyediakan tapak pembangunan dan kemudahan infrastruktur bagi menyokong perkembangan pesat sektor industri, perumahan dan komersial di Bandar Cassia dan Penang Science Park (PSP), Seberang Perai Selatan.

Pelebaran Jalan Batu Kawan dari 2 lorong kepada 6 lorong yang merupakan jalan masuk utama ke Bandar Cassia telah siap pada Jun 2019. Pelebaran Jambatan Batu Kawan bersebelahan jambatan sediaada daripada 2 lorong kepada 6 lorong telah dimulakan dan dijangka akan siap pada suku keempat tahun 2020.

Pada masa ini, pembinaan Jambatan Valdor yang akan menghubungi Bandar Cassia dengan Valdor melalui Jalan Persekutuan 1 sedang dalam pembinaan dan dijangka akan siap pada suku pertama tahun 2020. Jambatan ini adalah jalan masuk utama yang ketiga ke Bandar Cassia selepas Jalan Batu Kawan dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah. Pelebaran Jalan Perindustrian Valdor pula telah dimulakan dan dijangka siap pada suku pertama 2020.

Jalan-jalan di dalam kawasan Hub Logistik, BKIP pula telah dimulakan dan kerja-kerja dijangka akan siap pada suku kedua tahun 2020.

Kerja-kerja pembinaan Lingkaran Cassia Barat telah dimulakan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2020. Lingkaran Cassia Timur pula

dijangka akan bermula pada suku kedua tahun 2020 dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2023.

Sementara itu kerja-kerja memperluaskan Utara PSP seluas 377 ekar lagi telah dimulakan. Kawasan Fasa 3 seluas 33 ekar lagi untuk ditambun tanah telah disiapkan pada bulan Disember 2019.

PDC telah menyiapkan kerja-kerja infrastruktur bagi menyambungkan kawasan sediaada Penang Science Park ke Juru melalui kawasan perindustrian baru di Utara PSP. Pembukaan Jalan PSPN 2 tersebut telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang pada 10 Januari 2019. Jalan 6 & 7 telah dimulakan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku ketiga tahun 2020. Manakala, Jalan 8 dalam perancangan dan dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2020.

Kawasan pembangunan perindustrian yang baru iaitu 'Batu Kawan Industrial Park 2' (BKIP 2) di Byram telah dirancang untuk Taman Perindustrian yang baru. Kerja menambun tanah bagi menyediakan tapak perindustrian Fasa 1 seluas 106 ekar bagi plot-plot industri telah dirancang dan dijangka akan dimulakan pada suku kedua tahun 2020.



*Kemajuan Kerja Di Tapak GBS@Mahsuri*



*Jambatan Valdor*



# 2019

PENGURUSAN HARTA



## PENGURUSAN HARTA

### Pemuliharaan Semula KOMTAR

Tarikan utama di KOMTAR masih lagi tertumpu kepada Projek The Top@Komtar dan 'Penang Tech Centre' untuk membawa pengunjung, pelancong asing dan tempatan berkunjung ke KOMTAR. Projek The Top@Komtar yang dibangunkan oleh Only World Group (OWG), merangkumi tarikan seperti *Dinosaur & Zodiac Park*, *Planetarium*, *7D Theatre*, ruang niaga, makanan dan hiburan keluarga di Aras 5, *Top View Restaurant & Lounge* di Aras 59 dan 60 serta tarikan lain di Aras 65 hingga Aras 68 seperti *Observatory Deck*, *Rainbow Skywalk*, *Tower Club* dan juga *Coco Cabana Bar & Bistro*. Selain itu Aras 3 pula menempatkan *Penang State Gallery*, *Durian Museum* dan *Penang Food Street* manakala Akuarium boleh dilawati di Aras 4. Bagi peminat Sains dan Fiksyen khususnya golongan pelajar, mereka boleh melawat 'Penang Tech Centre' di DOME dan kawasan sekitar. Orang ramai yang ingin membeli barangan keperluan harian dan sebagainya boleh berkunjung ke pasaraya Pacific yang terletak di paras 1, Fasa 2 KOMTAR manakala peminat gajet dan IT seperti komputer dan yang berkaitan boleh bertumpu ke ICT Mall yang masih beroperasi di Aras 1 hingga 3, Fasa 1 KOMTAR.

Projek terbaru yang dilaksanakan adalah penubuhan "Urban Transformation Centre" (UTC), KOMTAR, Pulau Pinang. Ia merupakan projek usahasama antara Kerajaan Negeri (melalui PDC) dan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kewangan (MOF) untuk mewujudkan pusat sehenti yang terdiri daripada pelbagai jabatan kerajaan untuk memberi pelbagai perkhidmatan kepada orang ramai. Ianya kini sedang dalam pembinaan dan dijangka akan beroperasi pada pertengahan Tahun 2020.



Kerja-kerja Pembinaan UTC KOMTAR

Dalam aspek penyelenggaraan fizikal bangunan KOMTAR, pihak PDC masih terus giat melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penaiktarafan kemudahan mekanikal, elektrik dan sivil bagi memastikan aspek keselesaan, keselamatan dan kesediaan kemudahan-kemudahan di bangunan KOMTAR sentiasa dijaga. Kerja-kerja yang dilaksanakan termasuklah membaiki pulih lantai konkrit di Blok Podium, Menara di Fasa 1 dan Podium di Fasa 2, penggantian dan pembaikpulihan Pam

Kebakaran di Blok Podium dan Menara, penggantian pam primer dan sekunder air dingin dan pam kondenser di Blok Podium dan Menara, penggantian *smoke spill fan* di Fasa 1 dan Fasa 2 KOMTAR, penggantian transformer dan kabel di Fasa 2, KOMTAR serta penggantian dan penaiktarafan sistem pencegahan kebakaran.

PDC dan Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa berusaha dan bekerja keras demi memastikan hasrat mengembalikan kegemilangan KOMTAR dapat dicapai dan menjadi bangunan mercu tanda untuk negeri ini, melalui pelbagai inisiatif dan usaha sepertimana yang dinyatakan di atas.

### Pengurusan Perumahan Bertingkat dan Lain-Lain Projek PDC

Dalam tahun 2019, PDC masih meneruskan tanggungjawab sosial korporat untuk melaksanakan kerja-kerja pengecatan semula dan pembaikan kritikal bagi bangunan perumahan bertingkat PDC yang telah diserahkan kepada Perbadanan Pengurusan (MC). Pelaksanaan kerja-kerja ini adalah berasaskan kepada polisi perkongsian kos 80/20 iaitu 80% kos ditanggung oleh PDC, manakala baki 20% kos ditanggung oleh pemilik petak melalui Perbadanan Pengurusan masing-masing. Dalam tahun 2019, PDC telah berjaya menyiapkan kerja-kerja pengecatan semula untuk 10 projek perumahan slab block (D10, D15, D16, D17, D18, D19, B1, B2, B3& B4) dan 2 point block (Blok E1 dan E2), Bandar Seberang Jaya, di bawah kaedah perkongsian kos tersebut. Ini telah menjadikan jumlah projek pengecatan semula yang telah dijalankan dari Tahun 2011 sehingga Tahun 2019 berjumlah 53 blok yang merangkumi sejumlah 40 MC.

Di samping itu, dalam tahun 2019 juga, PDC juga telah berjaya melaksanakan sebanyak 13 projek kerja pembaikan kritikal berdasarkan formula perkongsian kos di antara PDC dan MC. Projek-projek ini merangkumi kerja-kerja pembaikan kritikal berkaitan pembaikan bumbung, pembaikan kerosakan struktur siling konkrit sedia ada dan perpaipan di 10 slab block (D10, D15, D16, D17, D18, D19, B1, B2, B3& B4) dan 2 point block (Blok E1 dan E2), Bandar Seberang Jaya dan kerja-kerja pembaikan bumbung tingkat 2 di Kompleks Jalan Kedah.

Untuk kerja-kerja penggantian lif pula, PDC sedang menjalankan kerja-kerja berkenaan di Blok 346, Gat Lebu Macallum di mana kerja-kerja ini telah bermula pada 25 Februari 2019 dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh satu (1) tahun.





# 2019

PEMBANGUNAN  
USAHAWAN

## PEMBANGUNAN USAHAWAN

Dalam tahun yang dikaji, PDC meneruskan peranannya dalam menyokong dan menyumbang usaha ke arah membimbing dan membantu golongan usahawan melalui pelaksanaan program-program di samping menawarkan modal tambahan mikro kredit kepada usahawan di Negeri Pulau Pinang.

### Skim Pinjaman Harapan Negeri Pulau Pinang

Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang adalah program Kerajaan Negeri bersama PDC untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, peniaga-peniaga kecil dapat mengembangkan perniagaan mereka serta secara tidak langsung ianya dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Pinjaman SPH ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM25,000. Tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun untuk pinjaman kali pertama dan 2 hingga 3 tahun untuk pinjaman kali kedua dan seterusnya. Keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan dianggarkan berjumlah RM18.63 juta yang melibatkan 3,465 peminjam di semua daerah di Pulau Pinang.

Bagi tahun 2019, sebanyak 20 program promosi kini telah diadakan kepada pemohon sekitar Pulau Pinang. Sepanjang tempoh tahun 2019, 321 orang peminjam telah menerima manfaat dari pinjaman ini dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diagihkan bernilai RM2.46 juta.

### Tabung Usahawan Tani Muda Negeri Pulau Pinang

Tabung Usahawan Tani (TUTM) Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi dorongan kepada golongan muda dan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana pendapatan yang lumayan. PDC bertindak sebagai agen Kerajaan Negeri, sebagai pemberi pinjaman, pengutip peminjam dan pentadbir TUTM. Permohonan bantuan pinjaman TUTM dibuat melalui jabatan pengelola yang terdiri daripada Jabatan Pertanian, Perikanan dan Veterinar Negeri Pulau Pinang. Jabatan pengelola berperanan menilai permohonan yang diterima untuk mengenalpasti pemohon yang layak diberi bantuan.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM750,000 kepada PDC untuk pelaksanaan TUTM dan sebanyak RM863,000 telahpun dikeluarkan kepada 156 peminjam. Kutipan bayaran balik dana telah digunapakai bagi menampung lebih peruntukan dana yang telah diberikan kepada peminjam TUTM.



Penyerahan Cek Kepada Para Peminjam TUTM

### Program Tunas Niaga (PROTUNE)

PDC meneruskan pelaksanaan Program Tunas Niaga (PROTUNE) iaitu pengurusan keusahawanan remaja sekolah menengah bagi memupuk dan membentuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar sekolah. PROTUNE merupakan program pembudayaan yang diselaraskan oleh PDC dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2019, PROTUNE telah dianjurkan dengan menggunakan baki peruntukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang diberikan sejak 2016. PDC telah meneruskan program dengan melaksanakan satu program iaitu Pertandingan Simulasi Keusahawanan yang melibatkan 144 orang pelajar dari 36 buah sekolah menengah di seluruh Pulau Pinang.

Program ini telah melatih para pelajar menggunakan modul latihan Millionaire Entrepreneur kerana kaedah ini menyediakan banyak pengetahuan keusahawanan secara mudah, cepat dan menyeronokkan. Pada akhir program, pelajar telah dapat memahami undang-undang serta peraturan dan bagaimana cara menjalani perniagaan secara efektif dan menjana keuntungan.



Pertandingan Simulasi Keusahawanan Sekolah Menengah PROTUNE 2019

## Pembudayaan dan Latihan Keusahawanan

Bagi memperengkap diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan supaya dapat melahirkan usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan, PDC juga telah melaksanakan program pembudayaan dan latihan keusahawanan kepada para usahawan di bawah bimbingan PDC. Pada tahun 2019, PDC telah menyelaras enam (6) program latihan keusahawanan kepada usahawan bimbingan PDC. Seramai 956 orang usahawan telah mendapat manfaat daripada program pembudayaan dan latihan keusahawanan ini.

## Sekretariat MMK Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa serta Pembangunan Keusahawanan

